

**GHUNYAH AL-TALABAH BI SHARH AL-TAYYIBAH KARANGAN AL-TARMASIY: SUATU PENGENALAN RINGKAS**

*Al-Tarmasiy Manuscript on Ghunyah Al-Talabah Bi Sharh Al-Tayyibah: An Introduction*

Hayati binti Hussin <sup>i</sup> Abdul Rahim bin Ahmad <sup>ii</sup> Norullisza Khosim <sup>iii</sup> & Muhammad Lukman Ibrahim <sup>iv</sup>

<sup>i</sup> Pensyarah, Universiti Sains Islam Malaysia, hayati.hussin@usim.edu.my

<sup>ii</sup> Pensyarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, ara@ukm.edu.my

<sup>iii</sup> Pensyarah, Universiti Sains Islam Malaysia, norulliszakhosim@usim.edu.my

<sup>iv</sup> Pensyarah, Universiti Sains Islam Malaysia, mdlukman@usim.edu.my

Article Progress

Received: 25 Oktober 2018

Revised: 2 December 2018

Accepted: 26 December 2018

<b>Abstrak (Contoh)</b>	<b>Abstract (Example)</b>
<p>Kertas kerja ini merupakan kajian terhadap manuskrip Ghunyah al-Talabah Bi Sharh al-Tayyibah karangan Muhammad Mahfuz al-Tarmasiy, seorang tokoh Nusantara yang pernah menjadi tumpuan para pencinta ilmu di dunia Arab serta pemilik tiang al-Masjid al-Haram berhampiran Bab al-Safa. Al-Tarmasiy telah mewariskan ensiklopedia ilmu-ilmu Islam yang pelbagai. Antaranya ialah ilmu serta kitab dan nukilan qiraat. Objektif kajian ini ialah untuk memperkenalkan karya al-Tarmasiy iaitu Ghunyah Al-Talabah Bi Sharh Al-Tayyibah. Metodologi kajian yang digunakan menjurus ke arah kajian kualitatif yang berbentuk analisis dokumen dengan bersumberkan maklumat dan data daripada dua naskhah salinan manuskrip asal beliau yang belum dinilai dan dihasilkan. Hasil kajian mendapati al-Tarmasiy telah membahagikan manuskrip ini kepada Bab al-Usul dan Bab al-Farsh. Keunikan yang ditampilkan di dalam kitab Ghunyah ialah isinya yang mengandungi qiraat imam</p>	<p>This paper is a study of the manuscript of Muhammad Mahfuz al-Tarmasiy on Ghunyah al-Talabah Bi Sharh al-Tayyib, a Nusantara figure who has been the focus of knowledge lovers in the Arab world and the owner of al-Masjid al-Haram pole near Bab al-Safa. Al-Tarmasiy has passed the encyclopedia of diverse Islamic sciences. Among them are the knowledge, books and quotes of Qiraat. The objective of the study is to elucidate book of al-Tarmasiy is Ghunyah Al-Talabah Bi Sharh Al-Tayyibah The methodology of this study was aimed at qualitative research in the form of analysis of documents by sourcing information and data from two copies of his original unpublished manuscript. The findings show that al-Tarmasiy has divided this manuscript into Bab al-Usul and Bab al-Farsh. The uniqueness shown in Ghunyah is its contents containing the Ten Commandments of Qiraat by the Tayyibat al-Nashr fi al-Qira'at Al- 'Ashr manuscript of Ibn al-Jazariy. Its arrangement also uses the fusha arabic</p>

sepuluh berpandukan manuskrip *Tayyibah al-Nashr fi al-Qira'at Al-<sup>c</sup>Ashr* karangan Ibn al-Jazariy. Susunannya juga menggunakan bahasa arab fusha yang baik serta mengikut tatacara penulisan kitab mengikut tradisi semasa di zamannya. Selain daripada itu al-Tarmasiy juga menukilkan hadith di dalam manuskripnya ini pada tempat-tempat yang bersesuaian. Al-Tarmasiy mengambil berat terhadap sumber kedua di dalam perundangan Islam ini dengan membawa beberapa hadith di dalam manuskrip yang membincangkan berkaitan dengan qiraat. Walaupun perbahasannya menjurus kepada ilmu qiraat, beliau turut membawa dalil bersumberkan Sunnah Nabi s.a.w. dengan perbahasan yang mendalam. Usaha al-Tarmasiy dalam hal ini menempatkan kitab beliau setara dengan rujukan-rujukan qiraat yang lain. Implikasi kajian ini adalah membuka jalan kepada usaha tahkik manuskrip ini bagi dimanfaatkan secara optimum oleh para muqri'.

**Kata kunci:** *Qiraat Nusantara, Al-Tarmasiy, Ghunyah Al-Talabah Bi Sharh Al-Tayyibah.*

language as well as according to the procedure of writing the book according to the current tradition of his day. In addition, al-Tarmasiy also quoted the hadith in his manuscript in suitable places. Al-Tarmasiy cares for the second source in this Islamic legislation by bringing some hadiths in the manuscript that deals with Qiraat. Although his debate is focused on Qiraat knowledge, he also brings a proposition based on the Sunnah with a detailed debate. Al-Tarmasiy's effort in this case places his book on par with other Qiraat references. The implication of this study is to pave the way for this manuscript effort to be optimally utilized by muqri'.

**Keyword(s):** *Qiraat Nusantara, Al-Tarmasiy, Ghunyah Al-Talabah Bi Sharh Al-Tayyibah.*

## PENDAHULUAN

Ilmu al-qiraat di Nusantara seolah-olah dahulunya mengalami krisis yang begitu parah. Dakwaan ini kelihatan benar apabila seolah-olah tidak terdapat sebarang karya qiraat yang mampu memberikan sumbangan sama ada secara santai mahupun pada lapangan ilmiah, sebagaimana halnya dengan bidang ilmu-ilmu Islam yang lain. Namun persepsi ini ternyata meleset apabila didapati ada juga beberapa buah kitab muktabar yang dikarang oleh ulama Tanah Melayu, seperti Muhammad Nor bin Ibrahim<sup>1</sup>, Haji Nuh bin Jamaluddin al-Kalantani, Tok Kenali, Haji Ahmad al-Fusani dan lain-lain (Ab Rahman al-Qari, 2012).

Di Indonesia pula, Muhammad Arwani bin Muhammad Amin al-Qudsi (Muhammad Arwani, 2001), Munawwir Munawwar merupakan tokoh-tokoh yang memberi sumbangan dalam penulisan serta perkembangan ilmu ini. Namun keadaan ini agak berbeza di era al-Tarmasiy sebagaimana yang akan dibahaskan menerusi kertas kerja ini dengan memberi tumpuan kajian kepada ketokohan

<sup>1</sup> Tidak lama selepas pemergian mereka, pada akhir abad ke-20, muncul pula beberapa orang ulama Nusantara yang mengembangkan penulisan ilmu qiraat. Antaranya ialah Muhammad Nor bin Ibrahim (1905-1987) di Kelantan. Kitab qiraat nukilan beliau ialah *Suluhan Dar Al-Na<sup>c</sup>im Bagi Penuntut Bacaan Nafi<sup>c</sup> bin Abi Nu'aym*.

pengarang dan sumbangan beliau menerusi karyanya sebagai kajian kes.

### **BIODATA AL-TARMASIY**

Nama beliau ialah Muhammad Mahfuz bin ʿAbdillah bin ʿAbd al-Mannan al-Tarmasiy. Lahir di Tremas, Pacitan, Jawa Tengah, pada 6 Safar tahun 1280H (22 Julai 1863M) atau 12 Jamadilawal 1285H (31 Ogos 1868M) (Al-Tarmasiy, 1903).

Adapun ketokohan ilmu serta kemasyhuran beliau, al-Zirikliy<sup>2</sup> menyebut al-Tarmasiy dengan katanya: "Muhammad Mahfuz bin ʿAbdillah bin ʿAbd al-Mannan al-Tarmasiy, seorang ulama fiqh mazhab Shafiʿiy dan salah seorang ahli al-Qiraat. Beliau juga berkecimpung dalam bidang hadith"(Al-Zirikliyy, 1984).

Ideologi serta mazhab al-Tarmasiy dalam fiqh, Mahfuz al-Tarmasiy berpegang dengan mazhab Shafiʿiy. Sementara itu mazhab akidahnya adalah mengikut pandangan Abu Hasan al-Ashʿariy. Perkara ini jelas terlihat apabila beliau belajar dengan para guru yang kebanyakannya bermazhab Shafiʿiy dan beraliran Ashʿariy. Selain daripada pernyataan al-Zirikliy di dalam *al-Aʿlam*, manuskrip-manuskrip karangan beliau di dalam bidang fiqh dan tasawuf merupakan bukti yang tidak tersangkal lagi (Al-Zirikliyy, 1984).

### **Komen Para Ulama Dan Penulis Terhadap Kewibawaan Al-Tarmasiy**

Al-Tarmasiy merupakan seorang tokoh yang dikagumi lagi diperakui kebolehannya di persada antarabangsa. Keilmuan beliau terserlah apabila nama beliau disebut di dalam beberapa buah kitab yang terkenal dan muktabar serta dijadikan rujukan dalam bidang pengajian Islam secara amnya dan bidang qiraat secara khususnya. Di antara penulis yang menyebut nama beliau di dalam kitab-kitab karangan mereka ialah:

#### **Pertama: Khayr al-Din al-Zirikliy al-Dimashqiy**

Beliau merupakan pengarang kitab *Al-Aʿlam Qamus Tarajum li Ashhar al-Rijal wa al-Nisa' min al-ʿArab wa al-Mustaʿribin wa al-Mustashriqin* yang tidak perlu diperkenalkan lagi. Di dalam kamus biodata tokoh-tokoh ilmuwan Islam dan barat yang terkenal itu, beliau menceritakan tentang pengarang Manuskrip *Taʿmim Al-Manafiʿ Bi Qiraʿat Al-Imam Nafiʿ* ini dengan katanya: "Muhammad Mahfuz bin ʿAbdillah bin ʿAbd al-Mannan al-Tarmasiy (wafat selepas 1329H bersamaan 1911M), seorang ulama fiqh mazhab Shafiʿiy dan salah seorang ahli Qiraat. Beliau juga berkecimpung dalam bidang hadith"(Al-Zirikliyy, 1984).

---

<sup>2</sup> Khayr al-Din al-Zirikliy (1310H-1396H/ 1793M-1976M) merupakan seorang sejarawan, sasterawan, penyair, dan pengarang. Nama penuhnya ialah Khayr al-Din bin Mahmud bin Muhammad bin ʿAliy bin Faris al-Zirikliy al-Dimashqiy. Dilahirkan di Beirut. Ibu bapanya berasal dari Damsyik. Beliau dibesarkan dan mendapat pendidikan di Damsyik serta berguru dengan para ulama di sana. Al-Zirikly banyak menghasilkan karya dalam bidang sastera.

### **Kedua: ʿAbd al-Fattah al-Sayyid ʿAjmiy al-Marsafiy (-1931M)**

Al-Marsafiy merupakan pengarang kitab *ʿHidayat al-Qari Ila Tajwid Kalam al-Bari* yang begitu terkenal dalam bidang Qiraat. Ketika menceritakan mengenai al-Tarmasiy, beliau menganggapnya sebagai tuan guru kepada guru-guru beliau. Sanjungan yang diberikan kepada al-Tarmasiy tinggi melangit apabila menggambarkan al-Tarmasiy, ayah dan datuknya sebagai para alim ulama.

Beliau berkata dalam kitabnya: “Al-Tarmasiy merupakan seorang yang sangat alim (*al-ʿAllamah*), ahli hadith (*al-Muhaddith*), ahli sanad (*al-Musnid*), ahli Fiqh (*al-Faqih*), ahli Usul Fiqh (*al-Usuliy*) dan ahli Qiraat (*al-Muqri*). Shaykh Muhammad Mahfuz bin al-ʿAllamah al-Faqih ʿAbdullah bin al-ʿAllamah al-Haj ʿAbd al-Mannan al-Jawiy, kemudiannya al-Makki, al-Shafiʿiy”.

Bagi al-Marsafiy, kemasyhuran al-Tarmasiy diketahui di semua peringkat. Akhlaknya baik dan perwatakannya lemah lembut. Beliau tidak suka masuk campur terhadap perkara yang tiada kaitan dengan dirinya. Rumahnya sering dikunjungi oleh para penuntut yang dahagakan ilmunya yang melimpah ruah” (Al-Marsafiy, 2008).

### **Ketiga: Mahmud Ahmad Saʿid al-Atrash**

Beliau merupakan pengarang kitab *ʿAl-Qiraʿat wa al-Qurraʿ wa Juhudhum Fi al-Qiraʿat wa al-Taʿlif Fi al-Qiraʿat wa ʿUlumiha Mundhu al-ʿAhd al-Nabawiy wa Hatta al-Yawmʿ*. Al-Atrash menyebut di dalam kitabnya: “Al-Tarmasiy merupakan salah seorang tokoh qiraat di Mekah pada kurun ke 14 hijrah. Beliau meninggalkan kesan yang signifikan dalam bidang ini. Al-Tarmasiy mengarang pelbagai kitab qiraat di antaranya ialah Qiraat Ibn Kathir, Nafiʿ, Abi ʿAmr dan Hamzah. Beliau juga menghasilkan karya berkaitan qiraat sepuluh.”.

### **Keempat: ʿUmar ʿAbd al-Jabbar**

Beliau merupakan pengarang kitab *ʿSiyar Wa Tarajum Baʿdh ʿUlamaʿina Fi al-Qarn al-Rabiʿ ʿAshar Li al-Hijrahʿ*.

ʿUmar menyebut di dalam kitabnya berkaitan latar belakang al-Tarmasiy bermula daripada kehidupannya di Jawa Tengah sehingga beliau bermusafir ke Mekah untuk menuntut ilmu. Beliau juga menyebut: “Al-Tarmasiy telah diijazahkan untuk mengajar di Masjid al-Haram. Al-Tarmasiy juga berjaya melahirkan murid-murid yang kemudiannya terkenal selepas pulang ke tanahair masing-masing” (ʿUmar ʿAbd al-Jabbar, 1982).

## **KAJIAN LEPAS**

Berdasarkan maklumat dan bahan-bahan di perpustakaan dan internet, kajian khusus ataupun umum berkenaan kertas kerja yang dicadangkan terdapat beberapa kajian terdahulu yang boleh dijadikan panduan berkaitan tajuk yang sedang dikaji. Kajian-kajian tersebut penting untuk dijadikan bahan rujukan serta asas dalam artikel yang ditulis. Berikut adalah kajian-kajian terdahulu yang disusun berdasarkan perkaitannya dengan tajuk artikel ini.

## Tesis

1- *Metodologi Penulisan Shaykh Mahfuz al-Tarmasi dalam al-Minhah al-Khayriyyah Fi 'Arba'in Hadithan Min Ahadith Khayr al-Bariyyah* oleh Margono Untung, 2009. Pertalian akrab yang ada di antara kajian di peringkat sarjana Universiti Malaya ini dengan kajian yang bakal dijalankan adalah pada nama al-Tarmasiy. Namun apabila didekati, didapati tesis yang mengandungi 99 halaman ini berada di bidang yang berbeza. Kitab al-Minhah al-Khayriyyah karangan beliau mengumpulkan hadith-hadith pilihan yang mengkaji sumbangan beliau dalam bidang-bidang lain yang dikuasainya masih terbuka luas. dibicarakan dengan cara kupasan pengajaran setelah *gharibnya* diperjelaskan. Ini bermaksud ruang yang ada untuk

2- *Transmisi Hadits di Nusantara* oleh Muhajirin, 2009. Ia juga merupakan sebuah tesis yang dijalankan untuk memenuhi syarat penganugerahan ijazah peringkat sarjana di UIN Syarif Hidayatullah Jakarta. Tesis ini menyentuh latar belakang ilmu hadith di Nusantara. Selain daripada itu, sejarah kemasukan Islam di Nusantara juga dibahaskan di dalamnya. Karya-karya hadis di Nusantara turut diceritakan secara detil di dalam tesis ini. Fokus kajian dijuruskan kepada ketokohan al-Tarmasiy di dalam bidang hadith. Secara umumnya didapati bahawa keterampilan al-Tarmasiy hanya terjurus dalam bidang hadith di dalam kajian ini. Ketokohan beliau dalam bidang pengajian Islam, terutamanya qiraat mestilah dikaji dan diperluaskan lagi bagi membuktikan kehebatan dan sumbangan dalam pelbagai bidang.

## Buku Ilmiah

1- *Ithaf Fudhala' al-Bashar bi al-Qiraat al-'Arba'ata 'Ashar* oleh Ahmad bin Muhammad Al-Banna. Ia diterbitkan 1422H/2001M di Beirut dan dicetak oleh Dar al-Kitab al-'Ilmiyyah. Buku ini secara keseluruhannya menceritakan tentang Qiraat Sepuluh dan juga Qiraat Shadh. Biodata setiap imam serta perawinya dibincangkan serta manhaj qurra di dalam *Bab Usul* dan *Farsh* dikupas secara detil. Perbincangan bukan sahaja berkisar pada qiraat mutawatirah sahaja bahkan qiraat shadhah juga turut dibawa di dalam kitab ini.

2- *Tayyibat al-Nashr fi al-Qiraat Al-'Ashr* karya Abu Khayr Shams al-Din Muhammad Ibn Muhammad Ibn Muhammad Ibn 'Ali Ibn Yusuf yang terkenal dengan nama Ibn al-Jazariy. Ia diterbitkan pada tahun 1420H/2000M di Beirut dan dicetak oleh Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Buku ini secara umumnya membicarakan berkaitan *Qurra' al-Ashr*. Bermula dengan biodata mereka kemudian diikuti perbincangan di dalam *Bab Usul*. Setelah semua dalam *Bab Usul*

dibincangkan disusuli pula *Bab Farsh* bermula daripada surah al-Baqarah sehingga akhir al-Quran.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian kualitatif yang berbentuk analisis dokumen. Penyelidikan yang dijalankan adalah berdasarkan manuskrip *Ghunyah Al-Talabah Bi Sharh Al-Tayyibah* yang merupakan instrument utama. Pengumpulan data dalam bentuk perkataan dianalisis secara induktif. Penyelidikan kualitatif sebegini menghasilkan dapatan yang bukan melalui prosedur statistik atau lain-lain bentuk pengiraan.

## DAPATAN KAJIAN

Judul kitab *Ghunyah Al-Talabah Bi Sharh Al-Tayyibah* ini bermaksud: 'Kecukupan Pelajar Dengan Huraian Al-Tayyibah'. *Al-Tayyibah* yang disebutkan pada judul kitab ini merujuk kepada *Tayyibat al-Nashr fi al-Qira'at Al-<sup>c</sup>Ashr* karangan Ibn al-Jazariy. Ia merupakan antara kitab rujukan yang muktabar dalam ilmu qiraat. Keahlian Ibn al-Jazariy dalam bidang ini turut diperakui hatta oleh para ulama Mesir. Dalam hal ini, al-Tarmasiy menukilkan pujian mereka dalam dua rangkap bait syair arab yang diungkapkan oleh al-Maqriziy:

أيا شمسٍ علمٍ بالقراءات أشرفتَ      وحقك قد من الإله على مصر  
وها هي بالتقريب منك تضيعت      عبرا وأضحت وهى طيبة النشر

Maksudnya: Wahai mentari ilmu qiraat dikau menyinar sesungguhnya tuhan telah menganugerahkan kamu kepada Mesir, Inilah dia (kitab *Taqribmu*) memancar menyemarakkan haruman dan juga menerangi oleh (kitab *Tayyibah al-Nashr*).

Jika dibandingkan dengan kitab-kitab qiraat al-Tarmasiy yang lain, *Ghunyah* bolehlah dianggap sebagai ensiklopedia al-Tarmasiy dalam bidang qiraat. Ini berikutan isinya mengandungi usul qiraat sepuluh berpandukan manuskrip *Tayyibat al-Nashr fi al-Qira'at Al-<sup>c</sup>Ashr* karangan Ibn al-Jazariy berbanding dengan kitab-kitab beliau yang lain dalam bidang ini (al-Tarmasiy, 1911).

Metode penulisan al-Tarmasiy di dalam *Ghunyah* agak berbeza jika dibandingkan dengan kitab qiraat beliau yang lain. Jumlah mukasuratnya yang berganda juga menuntut beliau agar lebih detil dalam membicarakan bab-bab ilmu Qiraat mengikut pembentangan oleh Ibn al-Jazariy. Setelah memulakan aluan karya pada halaman pertama dan kedua, beliau menceritakan biodata Ibn al-Jazariy diikuti biodata Imam-Imam Sepuluh.

Al-Tarmasiy memulakan perbincangan ilmu qiraat di dalam karya beliau ini dengan menukilkan matan atau bait syair yang dipetik daripada kitab *Tayyibah* karangan Ibn al-Jazariy, berserta huraian. Kemudiannya kitab ini disusuli pula dengan huraian-huraian terhadap matan-matan tersebut. Al-Tarmasiy

membahaskan puji-pujian ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w. di dalam awal kitabnya ini mengikut rentak al-Jazariy. Kemuliaan insan juga dikaitkan dengan kelebihan orang-orang yang membaca dan menghafal al-Quran. Buktinya beliau menyebut beberapa hadith Nabi s.a.w. yang berkaitan dengan hal ini di dalam Ghunyah.

Seterusnya, Pada awal penulisan kitab ini, al-Tarmasiy menggarap sepotong pujian kepada Nabi Muhammad s.a.w. mengikut gaya alunan bait imam Ibn al-Jazairy di dalam kitab *Toyyibah*.

Al-Tarmasiy menyebut beberapa buah kitab rujukan asas beliau ketika mengarang kitab ini pada awal mukadimahnyanya lagi<sup>3</sup>. Antara kitab rujukan utama dalam penghasilan karya beliau ialah:

- a. *Hirz al-Amani wa al-Wajh al-Tahani fi al-Qira'at al-Sab'* karangan al-Shatibiy (-590H). Karya ini merupakan antara rujukan utama dalam mempelajari ilmu qiraat tujuh sejak ia dihasilkan sehinggalah ke hari ini. Bahasa yang digunakan dalam bentuk rangkap syair amatlah teliti. Jumlah keseluruhan baitnya adalah sebanyak 1,173 rangkap dengan penghujung setiap satunya dengan huruf *lam* (*al-Lamiyyah*).
- b. *Tayyibat al-Nashr fi al-Qira'at Al-<sup>c</sup>Ashr* karangan Ibn al-Jazariy(-833H). Kitab ini berbentuk matan. Ia mengandungi 1015 bait syair berkaitan qiraat sepuluh yang mutawatirah. Ibn al-Jazariy telah mengikut metode yang dibuat oleh al-Shatibiy bagi memudahkan pelajar memahami dan menghafaz ilmu ini. Matan ini telah disyarah oleh ramai ulama. Di antara mereka ialah Ibn al-Jazariy sendiri, anaknya Muhammad dan Syaikh Mohammad al-Munir Ibn Hasan.
- c. *Taqrib al-Ma<sup>c</sup>ani fi Sharh Hirz al-Amaniy fi al-Qira'at al-Sab'* karangan Abu al-Farh Sayyid Lasyin dan Khalid Muhammad. Kitab ini merupakan syarah kepada matan *Hirz al-Amani fi al-Qira'at al-Sab'*. Setiap matan tersebut diterangkan secara jelas agar mudah untuk difahami oleh para penuntut.
- d. *Ithaf Fudala' al-Bashar bi al-Qira'at al-<sup>c</sup>Arba<sup>c</sup>ata <sup>c</sup>Ashar* karangan Ahmad bin Muhammad al-Banna (-1117H). Kitab ini dikarang oleh beliau dengan mengumpulkan 14 orang imam qiraat. Kitab ini dimulakan dengan perbincangan berkaitan *qurra'* yang masyhur dari kalangan sahabat dan tabiin. Pengenalan berkaitan imam sepuluh juga turut dinyatakan di dalam kitab ini. Kupasan asas terhadap ilmu qiraat dibentangkan sebelum memulakan perbincangan berkaitan *Bab al-Usul*. Seterusnya kitab ini

<sup>3</sup> Al-Tarmasiy menyebut di awal kitabnya ini:

"ووفق من اصطلفاه من الأمة لحفره في حرز أمانيه بيسر. ففازوا بطيبة التقريب والنشر... وصحبه غيث النفع الأولى الإنحاف".

diteruskan dengan perbincangan berkaitan *Bab al-Farsh*.

Kesemua kitab yang disebutkan tadi merupakan teras rujukan para ulama dan penulis ilmu Qiraat sehingga ke hari ini. Kitab-kitab tersebut juga merupakan rujukan utama bagi pelajar dalam bidang pengajian qiraat di sama ada di peringkat persekolahan mahupun di peringkat kolej dan universiti.

## PERBINCANGAN

### Latar Belakang Manuskrip *Ghunyah Al-Talabah Bi Sharh Al-Tayyibah*

Pemilihan manuskrip *Ghunyah al-Talabah* oleh penulis pada mulanya adalah demi kesinambungan penyelidikan ilmiah berikutan selesainya kajian yang telah dibuat terhadap manuskrip *Ta'mim al-Manafi' bi Qiraat al-Imam Nafi'* oleh pengarang yang sama dalam menampilkan manhaj iman Nafi' beserta perawinya. Walau bagaimanapun kajian manuskrip *Ta'mim* lebih memberi penumpuan kepada *Bab al-Usul* serta telah lengkap ditahkik pada bab tersebut.

Sebagai kelangsungan kepada kajian tersebut penulis mendapati manuskrip *Ghunyah al-Talabah bi Sharh al-Tayyibah* juga perlu diketengahkan. Bersumberkan maklumat awal daripada laman sesawang berkaitan tokoh-tokoh ilmu qiraat dan hasil karya mereka yang diterbitkan mahupun yang masih kekal dalam bentuk manuskrip yang semakin uzur dimamah masa, nama al-Tarmasiy sekali lagi muncul dengan ketokohnya dan terus mendapat tempat di hati penulis. Apabila penulis kemudiannya cuba menyingkap kehidupan tokoh ini, lebih banyak bukti berjaya diperolehi.

Faktor tarikan ini telah membawa penulis untuk menjejak sumber berkaitan beliau di Demak. Pada 2010, penulis bermusafir ke salah sebuah institusi yang sampai kini berbangga dengan nama al-Tarmasiy. Di Bustan 'Ushshaq al-Quran (BUQ), Demak, Jawa Tengah, penulis berpeluang berjumpa dengan cucu al-Tarmasiy, Harir yang sudahpun menjangkau usia 60-an. Beliau adalah pengurus BUQ ketika itu. Penulis mendapat pelbagai maklumat yang kebanyakannya dimuatkan dalam kertas kerja ini. Ia banyak membantu penulis untuk memahami kehidupan tokoh ini. Malahan penulis turut memperoleh salinan manuskrip *Ghunyah* daripada beliau.

### Format Penulisan Manuskrip

Format penulisan manuskrip *Ghunyah al-Talabah* dilihat dari aspek jumlah halaman, khat yang digunakan, bilangan perkataan, penyalinan manuskrip, jumlah naskhah salinan serta tempat, tarikh mula dan selesai mengarang.

### Jumlah halaman

Jumlah halaman manuskrip ini ialah sebanyak 616 lembaran, merangkumi *Bab al-*



*Usul dan Bab al-Farsh* bagi imam sepuluh.

### **Khat yang digunakan**

Khat yang digunakan oleh al-Tarmasiy di dalam karya beliau ini ialah *khat nasakh* dan juga *khat riq'ah*. Khat naskh juga dikenali sebagai naskhi atau lainnya dalam bahasa Turki iaitu nesih merupakan gaya skrip khat Islam. Ia dicipta oleh ahli seni khat Parsi Ibn Muqlah Shirazi. Akar kata Arab (نسخ) bermaksud "menyalin". Ia merujuk sama ada kepada fakta yang skrip gaya ini menggantikan skrip kufi, atau skrip ini membolehkan salinan teks dibuat dengan lebih pantas. Dengan sedikit perubahan, ia merupakan gaya yang paling sering digunakan untuk percetakan dalam bahasa Arab, Parsi, Pashto dan lain-lain ([https://ms.wikipedia.org/wiki/Naskh\\_\(seni\\_khat\)](https://ms.wikipedia.org/wiki/Naskh_(seni_khat))). Khat *riq'ah* pula ialah sejenis khat yang direka cipta oleh orang Turki pada zaman kerajaan Uthmaniyah (850H). Tujuan khat ini dicipta ialah untuk menyeragamkan tulisan dalam semua urusan rasmi di kalangan kakitangan kerajaan. Riq'ah pula bermaksud cebisan kertas yang ditulis (<http://hasrukhat.webnode.com/khat-riqah/>).

### **Purata perkataan bagi setiap baris**

Bilangan perkataan di dalam kitab ini adalah berbeza-beza mengikut baris. Kajian mendapati bahawa perkataan bagi setiap baris ialah 9 hingga 14 patah perkataan. Walau bagaimanapun, secara umumnya penulis mendapati setiap baris mengandungi 13 patah perkataan.

### **Purata baris bagi setiap mukasurat**

Bilangan baris bagi setiap muka surat adalah tetap. Selain daripada halaman pertama yang mengandungi 24 baris kerana diawali dengan lafaz Bismillah, setiap halaman berikutnya mengandungi 25 baris yang ditulis kemas seakan-akan berada di atas garisan lintang yang lurus.

### **Penyalin manuskrip**

Penyalin manuskrip ini tidak dinyatakan. Dalam kes ini ia dianggap sebagai naskhah asal, sama ada ditulis sendiri oleh al-Tarmasiy ataupun seseorang yang diamanahkan atau diupah oleh beliau.

### **Jumlah naskhah salinan manuskrip**

Jumlah naskhah salinan manuskrip juga tidak disebut. Berdasarkan kepada kajian penulis, terdapat sebuah naskhah sahaja yang berjaya ditemui dan ia disusun mengikut format pdf.

### **Tempat, tarikh mula dan selesai mengarang**

Al-Tarmasiy mula mengarang kitab *Ghunya al-Talabah bi Sharh al-Tayyibah* pada Rabiulawal tahun 1328H. Beliau telah menyempurnakan penulisannya ini pada waktu sebelum zuhur hari Isnin 9 Syaaban tahun 1328H bersamaan 1911M di

Mekah. Tempoh menyiapkan karyanya ini mengambil masa lima bulan sembilan hari, seperti yang direkodkan beliau pada akhir kitabnya ini.

### **Tempat simpanan**

Salinan manuskrip dalam bentuk pdf diperolehi dari Demak, Indonesia. Ini berkemungkinan manuskrip asal tersimpan di sana. Walau bagaimanapun penulis hanya mempunyai satu salinan berbentuk pdf yang diberikan oleh waris al-Tarmasiy ketika kunjungan ke Demak, Indonesia pada tahun 2010.

### **Keadaan fizikal**

Manuskrip ini tersimpan dengan baik. Naskhah yang diperolehi melalui waris beliau syekh Harir di Demak dalam bentuk fotokopi masih boleh dibaca dengan jelas dan terang. Majoriti tulisan manuskrip berwarna hitam, melainkan tajuk dan peringatan (*tanbih*) yang ditulis dengan dakwat merah. Secara keseluruhannya, manuskrip ini masih jelas.



### **PENUTUP**

Tidak dapat dinafikan manuskrip *Ghunyah Al-Talabah* mempunyai kekuatannya yang tersendiri. Penulisan manuskrip sebegini memerlukan keazaman yang kuat serta kesabaran yang tinggi, terutamanya di zaman sebelum munculnya kemudahan peralatan percetakan. Perluasan pengetahuan beliau juga dapat dirasai kehadirannya semasa beliau menulis dan membincangkan sesuatu isu qiraat. Begitu juga halnya dengan rujukan beliau yang adakalanya menjangkau manuskrip-manuskrip nadir yang ada di antaranya sampai sekarangpun masih belum ditahkik dan diterbitkan.

Pendek kata, manuskrip *Ghunyah Al-Talabah* memaparkan kewibawaan, kecekalan serta kerajinan seorang ulama Nusantara di peringkat dunia. Ia merupakan suatu cabaran besar untuk berkarya buat para cendekiawan dan alim ulama qiraat di sepanjang zaman.

Walaupun kecanggihan dan kemudahan berkarya seperti yang ada pada masa kini tidak wujud pada ketika itu, ia bukanlah halangan yang membantutkan usaha beliau untuk tabah berkarya. Bahkan kekurangan kemudahan di zamannya dijadikan sebagai pembakar semangat untuk menyumbang kepada umat dan agama. Hasil penulisan beliau membuktikan bahawa kita tidak ketandusan alim ulama yang besar sumbangannya di persada dunia. Al-Tarmasiy telah berusaha untuk mewariskan ilmu-ilmu Islam yang dikuasainya melalui mata pena. Tidak hairanlah jika Al-Tarmasiy yang sama kulit dan keturunannya dengan kita berjaya menghasilkan ensklopedia Islam yang pelbagai kerana kegigihan dan usaha yang dilakukan tanpa mengenal erti putus asa dalam menuntut dan menyampaikan ilmu menerusi kitab-kitabnya. Maka jika usaha dan sumbangan tidak disuburkan dengan baja pengkajian, maka terpendamlah ia dalam lipatan sejarah.

### CONTOH MANUSKRIP TANWIR AL-SADR BI QIRA'AT AL-IMAM ABI ʿAMR



### PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) kerana telah meluluskan dan membiaya sepenuhnya kajian ini di bawah skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) yang bertajuk: Model Pengajaran dan Pembelajaran Qiraat sepuluh Atas Talian (online) Dengan Medium Bahasa Melayu Kod Penyelidikan (Ref: FRGS/1/2017/SSI03/USIM/02/15).

## RUJUKAN

Al-Quran.

Ab Rahman al-Qari Bin Abdullah, *Pengajian Tahfiz Al-Quran dan Qira'at di Kelantan: Satu Tinjauan Terhadap Peranan Dato' Haji Muhammad Nor Bin Ibrahim*, 2012, Proceedings: The 2nd Annual International Qur'anic Conference 2012.

Al-Tarmasiy, Muhammad Mahfuz, *Tanwir Al-Sadr Bi Qira'at Al-Imam Abi   Amr.T.th.*

Al-Tarmasiy, Muhammad Mahfuz. 1320H/1903M. *Kifayat al-Mustafid li ma  Ala min al-Asanid*. Matba'ah al-Mashhad al-Husayni. Mesir.

Al-Tarmasiy, Muhammad Mahfuz bin  Abdullah, 1911M/1328H, *Ghunyah al-Talabah bi Sharh al-Tayyibah*,Mekah, hlm.1-2.

Al-Tarmasiy, Muhammad Mahfuz Abdullah. 1324H/1907H. *Ta mim al-Manafi  fi Qiraat al-Imam Nafi *. Mekah.

Muhammad Arwani bin Muhammad Amin al-Qudsi, 2001M/1421H, *Fayd al-Barakat fi Sab  al-Qira'at*, cet. 2, t.tp: Maktabah Mubarakah Tayyibah.

Al-Mazam  Abdullah bin  Aliy Muhammad, 2009, *Is af al-Mutali  bi Sharh al-Badr al-Lami  Nazam Jam  al-Jawami : Dirasah wa Tahqiq*, Universiti Umm al-Qura, Mekah.

Al-Hakim Naysaburiy, Abu  Abdillah Muhammad bin  Abdillah, *Al-Mustadrak  Ala al-Sahihayn*, Kitab al-Tafsir (k), Qiraat al-Nabiy s.a.w. Mimma Lam Yukhrijahu wa qad Sahha Sanaduhu (b) No.Hadith. 2962, 1998, jil.2, Dar al-Ma rifah, Beirut.

Ibn al-Jazariy, Shams al-Din Abi Khayr Muhammad bin Muhammad bin  Aliy. 1420H/2000M. *Sharh Tayyibat al-Nashr fi al-Qiraat al- Ashr*. Dar al-Kutub al- Ilmiyyah. Beirut. Cet 2.

Al-Zirikliyy, Khayr Din bin Mahmud bin Muhammad bin  Aliy bin Faris. 1984. *A lam- Qamus Tarajum li Ashhar Rijal wa Nisa' min  Arab wa Musta ribin wa Mustashriqin*. Dar al- Ilm li al-Malayin .Beirut. Cet.9.

Al-Shatibiy Qasim bin Firruh bin Khalaf bin Ahmad Ru'ayni al-Andalusiy, 1937M/1355H, *Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani fi al-Qira'at al-Sab'*, Matba'at Mustafa al-Babiy al-Halabiy wa Awladih, Kaherah.

Al-Sakhawiyy, 'Alam al-Din 'Ali ibn Muhammad. *Tahqiq 'Abd al-Karim al-Zubaidiy*. 1414H/1993M. *Jamal al-Qurra' wa Kamal al-Iqra'*. Cet: 1. Jil: 2. t.tp: Dar al-Balaghah.

[https://ms.wikipedia.org/wiki/Naskh\\_\(seni\\_khat\)](https://ms.wikipedia.org/wiki/Naskh_(seni_khat))

<http://hasrulkhata.webnode.com/khat-riqah/>